

Tasawwur Islam
5226
NOV/DIS
2021
2 ½ jam

**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**DENGAN KERJASAMA
PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(PEKDIS CAWANGAN KELANTAN)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021**

**TASAWWUR ISLAM
Dua Jam Tiga Puluh Minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **Empat** soalan pada **Bahagian B**
3. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B** di buku jawapan

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan pada bahagian ini.
Semua jawapan hendaklah di tulis dalam buku jawapan

Soalan 1 - 4

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut.

1. Membenarkan dalam hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan.
2. Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut syarak seperti tanah.
3. Sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhluknya, sebelum makhluk itu dijadikan.
4. Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu.


Soalan 5 - 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

5. Setiap manusia akan menempuh lima peringkat alam bermula dengan alam _____ sehingga alam akhirat.
6. Islam mensyariatkan hukuman sebat 100 kali kepada pezina belum berkahwin adalah untuk memelihara _____ manusia.
7. Insan ialah makhluk berbudaya dan _____ yang sentiasa meningkatkan taraf hidup.
8. Hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika ada _____ dari segi bukti dan hujah supaya tidak berlaku penganiayaan.

Soalan 9 hingga soalan 10

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



9. R ialah: _____

10. S ialah: _____

Soalan 11 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

	KETERANGAN
Y	Sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.
Z	Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.

11. Y ialah: _____

12. Z ialah: _____

Soalan 13 - 16


Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (×) pada pernyataan yang salah.

13. Akhlak mahmudah ialah akhlak terkeji yang dilarang oleh al-Quran dan al-Sunnah daripada diamalkan.
14. Institusi Baitulmal berfungsi untuk pengurusan pungutan dan pengagihan wang zakat dengan lebih sistematik.
15. Dalil Naqli ialah dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.
16. Makhluk-makhluk lain dicipta oleh Allah SWT adalah untuk memenuhi segala keperluan manusia.

Soalan 17 hingga soalan 20

Lengkapkan rajah berikut dengan jawapan yang betul.



17. A ialah: _____

18. B ialah: _____

19. C ialah: _____

20. D ialah: _____

BAHAGIAN B
(80 Markah)

Jawab mana-mana empat soalan pada bahagian ini.
Jawapan hendaklah di tulis pada buku jawapan

Kemanisan iman dalam beribadat dapat dirasai oleh seseorang yang kukuh pegangan akidah.

1 (a) (i) Berikan definisi akidah.


[2 markah]

Firman Allah SWT dalam surah Yasin 36:60 yang bermaksud: "Bukankah Aku telah memerintah kepadamu wahai anak cucu Adam janganlah kamu menyembah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu."

(ii) Ayat di atas menjelaskan syaitan akan merosakkan akidah seseorang manusia.

Terangkan dua cara anda menghindari diri dari gangguan syaitan.

[4 markah]



Gambar 1 : Kelebihan menuntut ilmu

Gambar 1 di atas , menunjukkan kelebihan menuntut ilmu dalam kehidupan.

(iii) Jelaskan kepentingan menuntut ilmu.


[4 markah]

Sabda Rasulullah SAW: " Tidak ada sesuatu yang dimakan oleh seseorang lebih baik daripada apa-apa yang dimakan daripada usahanya sendiri. Dan sesungguhnya Nabi Daud AS makan daripada usaha tangannya sendiri."

Hadis Riwayat al-Bukhari

(b) (i) Hadis di atas menjelaskan tentang tanggungjawab manusia yang perlu bekerja untuk memenuhi keperluan asasi kehidupan.
Jelaskan maksud pekerjaan menurut Islam.

[2 markah]



Gambar 2

Perniagaan secara online banyak diceburi oleh masyarakat dewasa ini sesuai dengan dunia digital.

- (ii) Bincangkan **dua** cara anda merealisasikan perniagaan online selaras dengan kehendak syarak. [4 markah]

“Laissez Faire” ialah ungkapan Bahasa Perancis yang bermaksud biarkan.

Ungkapan di atas sinonim dengan sistem ekonomi Kapitalis yang memberi kebebasan mutlak kepada individu.

- (iii) Berikan **dua** sebab sistem ekonomi tersebut bertentangan dengan Islam. [4 markah]

Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 6:165, yang bermaksud : “ Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan dia meninggikan beberapa darjat sebahagian kamu ”


- 2 (a) (i) Jelaskan pengertian khalifah berdasarkan ayat di atas. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab manusia kepada Allah SWT. [4 markah]

Sejak akhir-akhir ini heboh diperkatakan tentang penularan seks songsang dalam kalangan masyarakat malah ada usaha untuk menghalalkannya.

- (iii) Apakah yang dimaksudkan dengan seks songsang serta berikan hujjah budaya di atas bercanggah dengan ajaran Islam. [6 markah]

Undang-Undang Islam membahagikan jenayah kepada tiga pembahagian utama berasaskan pada hukuman yang dikuatkuasakan iaitu hudud, qisas dan takzir.

- (b) (i) Berikan pengertian hudud. [2 markah]
 (ii) Terangkan cara pembuktian dalam pengendalian kes jenayah mengikut Islam. [4 markah]
 (iii) Terangkan **dua** sumber rujukan utama dalam sistem kehakiman Islam. [2 markah]



Gambar 3

- 3 (a) (i) Berdasarkan gambar 3 di atas, nyatakan dua asas pergaulan menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua prinsip pergaulan yang perlu diamalkan untuk membentuk ummah sejahtera. [4 markah]



Gambar 4

- (b) (i) Berdasarkan gambar 4 di atas, nyatakan maksud amanah. [2 markah]
- (ii) Bagaimana sifat amanah dapat menghindarkan seseorang daripada mengutamakan kepentingan peribadi. [4 markah]

Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan mengadakan syarat-syarat sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan sistem ini. Salah satu kriteria sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif (Pentadbiran).

- (c) (i) Nyatakan dua asas utama pentadbiran dan pengurusan di zaman Rasulullah SAW. [4 markah]
- (ii) Huraikan dua etika tadbir urus dalam Islam. [4 markah]

" Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka beribadah kepada-Ku"
(Maksud Al-Quran al-Dzariyat 51:56)

- 4 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah dalam ayat di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua konsep ibadah dalam Islam. [2 markah]
- (iii) Berdasarkan ayat diatas berikan satu contoh ibadah yang sering anda lakukan serta terangkan kepentingan ikhlas dalam melakukan ibadah tersebut. [6 markah]



Gambar 5

Gambar 5 di atas adalah antara institusi kewangan yang mengamalkan sistem muamalat Islam di Malaysia. Islam menyediakan pelbagai jenis muamalat untuk membantu individu yang terkesan akibat pandemik covid 19.

- (b) (i) Jelaskan dua jenis muamalat yang boleh mereka gunakan untuk menyelesaikan masalah bagi meneruskan kehidupan. [4 markah]
- (ii) Huraikan dua peranan bagi setiap institusi kewangan yang berikut : [6 markah]
- i. Institusi Zakat
 - ii. Tabung Haji
 - iii. Perbankan Islam

- 5 (a) (i) Nyatakan pengertian wahyu.

[2 markah]



Gambar 6

- (ii) Berdasarkan gambar 6 di atas, jelaskan dua peranan wahyu dalam menyelesaikan masalah tersebut.

[4 markah]



Gambar 7

- (iii) Terangkan tindakan yang mesti dilakukan bagi mengelakkan perkara seperti diatas berulang.

[6 markah]

Firman Allah SWT dalam surah al-Jathiyah 45:18 yang bermaksud: "Kemudian Kami jadikan kamu menjalankan perundangan daripada hukum agama, maka turutlah ia, dan janganlah dituruti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui."

- (b) (i) Apakah konsep pembalasan dalam sistem perundangan Islam ? [2 markah]
- (ii) Senaraikan dua cara anda menjaga diri daripada terjebak dengan kes-kes jenayah. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua kebaikan jika manusia mematuhi perundangan Islam sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT dalam ayat di atas. [4 markah]

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud " Sesungguhnya Allah SWT itu indah, Dia suka akan segala yang indah."

(Hadis riwayat Muslim)

- 6 (a) (i) Nyatakan pengertian kesenian menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua konsep kesenian menurut pandangan Islam. [4 markah]
- (iii) Senaraikan empat etika berhibur dalam Islam. [4 markah]
- (b) (i) Berikan empat ciri asas pentadbiran dan pengurusan yang baik menurut pandangan Islam. [4 markah]

Penyelesaian sesuatu urusan secara rundingan dan mesyuarat adalah contoh terbaik dalam sistem pemerintahan Islam.

- (ii) Setujukah anda dengan pernyataan di atas. Berikah hujjah anda. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT